



Suntingan senyum sumber cinta damai

Ketenangan jiwa dan ukiran senyum adalah umpama fajar di kaki laut tanpa gelora. Menawan, melambangkan ketenteraman dan jadi sumber inspirasi menuju jaya.

Ketenangan jiwa dan suntingan senyum di wajah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seperti dirakamkan dalam foto ini, juga adalah sumber inspirasi bagi jutaan rakyat Malaysia yang cintakan damai, perpaduan serta kemajuan fizikal dan rohaniah.

Bagaimanapun ketenangan wajah Perdana Menteri kita ini boleh juga disifatkan sebagai keyakinan yang tersemat di jiwanya tentang prestasi cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum ini.

Kerajaan pimpinan beliau telah sedaya upaya berusaha memperbaiki nasib dan taraf hidup rakyat. Kerajaan beliau telah berikhtiar meningkatkan syiar Islam maha suci. Kini, segala ikhtiar telah dilaksanakan, lantas beliau menyerahkan segala-galanya kepada Allah Yang Maha Kuasa.

Perdana Menteri mungkin tidak menyedari akan hakikat yang tersembunyi di sebalik ketenangan jiwa dan ukiran senyum ini kerana, pada beliau, kelumrahan seri muka yang manis adalah perkara biasa, walaupun sedang mencuba kerusi duduk pesawat udara MAS Boeing 747, di Lapanganterbang Antarabangsa Subang semalam....

Foto: TAN HONG KUAN.